MD REDZUAN ALANG A

lwn.

PANGLIMA TENTERA LAUT & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
ZURA YAHYA PK
[GUAMAN SIVIL NO: S5-21-148-2005]
25 FEBRUARI 2010

ANGKATAN TENTERA: *Perkhidmatan - Pemberhentian - Bintara Muda, Tentera Laut DiRaja - Diberhentikan perkhidmatan oleh Panglima Tentera Laut atas alasan "perkhidmatan tidak lagi diperlukan" - Sama ada pemberhentian sah di sisi undang-undang - Panglima Tentera Laut - Sama ada mempunyai kuasa untuk memberhentikan perkhidmatan plaintif - Akta Angkatan Tentera 1972, ss. 36, 217 - Navy Ordinance 1958 (dimansuh) ss. 10, 11* C D

Plaintif, seorang anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia ('TLDM'), telah diberhentikan perkhidmatannya oleh defendan pertama berdasarkan peruntukan yang dikenali sebagai BR 8748, iaitu di bawah artikel 1012nya, atas alasan "perkhidmatannya tidak lagi diperlukan". Plaintif mengatakan bahawa pemberhentian perkhidmatannya adalah tak sah di sisi undang-undang, dan sekaligus memohon pengisytiharan dan relif-relif tertentu termasuk gantirugi teladan, gantirugi am dan sebagainya. Adalah menjadi pendirian defendan-defendan (defendan kedua adalah Kerajaan Malaysia dan didakwa secara vikarius) bahawa bagi maksud pemberhentian anggota-anggota TLDM seperti plaintif, Majlis Angkatan Tentera, dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta Angkatan Tentera 1972 ('Akta'), telah meluluskan penggunaan peraturan-peraturan seperti yang terdapat di dalam The Queen's Regulations For the Royal Navy ('QRRN') (yang berkuatkuasa kepada Tentera Laut DiRaja British) – dan bahawa, bagi tujuan penguatkuasaan kepada TLDM, peraturan-peraturan di dalam QRRN tersebut telah dikeluarkan semula sebagai BR 8748 melalui Memo Am TLDM No. 03/99. Ianya juga dihujahkan bahawa artikel 1012 BR 8748 adalah in *pari materia* dengan artikel 0877 QRRN. Plaintif bagaimanapun berhujah bahawa asas bagi pemakaian QRRN sudah tidak wujud, memandangkan pemakaian QRRN adalah asalnya melalui s. 10 Navy Ordinance 1958, sedangkan Navy Ordinance 1958 itu sendiri telah dimansuhkan oleh Akta melalui s. 217nya. Dengan kata lain, pendirian plaintif adalah bahawa dengan E F G H I

pemansuhan Ordinan, kuasa untuk menggunapakai QRRN telah dengan sendirinya hilang dan terhapus, sekaligus menjadikan tindakan pemberhentian terhadap beliau di luar undang-undang. Defendan-defendan membalas dengan mengemukakan autoriti *Subramaniam Sannasy v. SAC II Syed Alwi Syed Hamid & Anor*, dan walau apapun berhujah bahawa pemakaian QRRN masih sah berdasarkan kepada proviso kepada s. 217 Akta.

Diputuskan (membenarkan tuntutan; memerintahkan gantirugi am ditaksir oleh PKP):

(1) QRRN yang merupakan peraturan bagi Tentera Laut British telah dibenarkan pemakaian mengikut s. 10 Ordinan. Ianya bukan peraturan yang dibuat di bawah Ordinan. Oleh itu, s. 217(2) Akta tidak dapat menyelamatkan pemakaian QRRN daripada pemansuhan. (perenggan 12)

(1a) Sekiranya pandangan mahkamah di atas khilaf, maka isunya adalah sama ada artikel 0877 QRRN sinonim dengan BR 8748. Dalam hubungan ini, kenyataan di dalam Memo Am TLDM 03/99 bahawa peraturan berkaitan pemberhentian yang terdapat di dalam QRRN telah dikeluarkan semula sebagai BR 8748 adalah diragui. Dari pengenalan kepada BR 8748, jelas bahawa terma yang terdapat dalam BR 8748 adalah terdiri dari peraturan di dalam QRRN dan juga dari sumber-sumber lain. Ini bermakna terma yang terdapat di dalam BR 8748 adalah termasuk terma yang tidak terangkum dalam QRRN dan sumber ini tidak dibenarkan di bawah Ordinan untuk digunapakai oleh TLDM. Oleh kerana BR 8748 mengandungi terma daripada lain-lain sumber dan ianya tidak dapat dikenalpasti secara khusus peraturan manakah yang datang dari QRRN, maka BR 8748 adalah satu dokumen yang diekstrak dari QRRN dan tercemar. Seterusnya, s. 10(1) Ordinan mengatakan peraturan yang pada masa itu berkuatkuasa kepada Royal Navy sahaja yang terpakai. Maka BR 8748 yang dibuat pada tahun 1998 bukanlah peraturan yang dibuat pada masa itu (iaitu 1958) dan ia (BR 8748) mengandungi terma-terma lain selain daripada Royal Navy. Selain itu, dalam halkeadaan di sini, defendan sepatutnya menzahirkan artikel 0877 QRRN. Ianya tidak memadai dengan hanya menghujahkan bahawa artikel 0877 QRRN adalah in *pari materia* dengan artikel 1012 BR 8748 (perenggan 13, 14, 15)

(2) Memo Am TLDM No. 07/04 menyatakan bahawa penggunaan dasar dan peraturan yang dikeluarkan melalui Memo Am TLDM No. 03/99 adalah tidak tepat dan tidak selaras dengan kelulusan yang dikeluarkan oleh Majlis Angkatan Tentera. Ini bererti defendan sendiri menyedari tentang ketidakpastian pemakaian BR 8748. Dalam keadaan di mana terdapatnya Memo Am TLDM 07/04, dan walaupun ianya dikeluarkan selepas plaintif diberhentikan, mahkamah berpendapat adalah tidak berpatutan dan tidak adil untuk defendan dalam perbicaraan kes ini mempertahankan pemakaian BR 8748 bilamana wujudnya pandangan yang ianya tidak tepat. (perenggan 16)

(3) Kes *Subramaniam Sannasy v. SAC II Syed Alwi Syed Hamid & Anor* boleh dibezakan. Kes itu adalah mengenai dua peraturan yang terdapat dalam Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993, sementara dalam kes semasa ianya melibatkan dua Peraturan iaitu QRRN dan BR 8748. Apa yang dikemukakan di mahkamah ialah artikel 1021 BR 8748. QRRN tidak dizahirkan ke mahkamah untuk menunjukkan bahawa dalam QRRN terdapat peruntukan yang sama yang memberi kuasa kepada defendan untuk memberhentikan anggota lain-lain pangkat. Juga, kewujudan sebab yang sama (iaitu "perkhidmatan tidak lagi diperlukan") dalam BR 8748 dan QRRN tidak bermakna defendan boleh berbalik dengan menyarankan penggunaan peruntukan dalam QRRN untuk menjustifikasikan pemberhentian plaintif yang dibuat mengikut BR 8748. (perenggan 17)

(4) Mengenai sama ada defendan pertama diberi kuasa mengikut undang-undang untuk memberhentikan plaintif, dalam artikel 1012(5) BR 8748 tidak ada kuasa diberikan kepada admiralty yang mana boleh dikatakan seolah-olahnya telah tidak diberikan kepada Majlis Angkatan Tentera, dan jika ada hak sekalipun ianya diberi kepada pemegang pangkat yang tidak disamakan dengan defendan pertama. Oleh itu, tidak terdapat peruntukan di dalam BR 8748 atau di dalam Akta yang dengan nyatanya memberi kuasa kepada Panglima Tentera Laut untuk memberhentikan atau meluluskan pemberhentian di bawah artikel 1012(5) BR 8748. (perenggan 18)

Kes-kes yang dirujuk:
Subramanyam Sannasy v. SAC II Syed Alwi Syed Hamid & Anor [2010] 2 CLJ 677 FC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Armed Forces Act 1972, ss. 36, 217(2)
Government Proceedings Act 1956, ss. 5, 6
Navy Ordinance 1958, s. 10(1), (2), 11, 217

Bagi pihak plaintif - Zalil Mohd (Mohd Syahril Daud bersamanya); T/n Zalil Mohd & Partners
Bagi pihak defendan - Aida Adha Abu Bakar SFC

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Zura Yahya PK:

[1] Tindakan plaintif dalam kes ini ialah untuk satu pengisytiharan bahawa keputusan defendan pertama memberhentikan plaintif dari perkhidmatan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) adalah salah dan/atau tidak sah di sisi undang-undang, pengisytiharan bahawa plaintif berhak kepada segala gaji, elaun dan faedah sebagai seorang anggota TLDM berpangkat Bintara Muda mulai dari 1 September 2002 hingga 1 Januari 2003, gantirugi teladan atau gantirugi am, faedah dan kos.

[2] Plaintif adalah bekas anggota TLDM berpangkat Bintara Muda pada masa beliau diberhentikan perkhidmatan. Defendan pertama ialah Pegawai Memerintah Tertinggi di dalam TLDM yang diberi kuasa untuk memberhentikan perkhidmatan anggota TLDM, dan defendan kedua ialah majikan defendan pertama dan mempunyai liabiliti secara "vicarious" di atas setiap tindakan defendan pertama dalam maksud dan mengikut Akta Prosiding Kerajaan 1956, khususnya s. 5 dan 6.

[3] Fakta yang dipersetujui ialah plaintif telah ditangkap dan diletak di bawah tangkapan rapi oleh Provo Tentera Laut pada 28 Februari 2001 hingga 17 April 2001. Ini ialah untuk tujuan siasatan atas dakwaan melakukan kesalahan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972. Selepas siasatan plaintif telah dibebaskan dan tidak dipertuduhkan dengan apa-apa pertuduhan.

[4] Melalui surat bertarikh 24 Julai 2002, plaintif dimaklumkan bahawa defendan pertama telah memberhentikan beliau daripada perkhidmatan TLDM berkuatkuasa mulai 1 September 2002. Pemberhentian perkhidmatan dibuat di bawah artikel 1012 BR 8748 – Terms of Service for Royal Navy, Queen Alexandra's Royal Naval Nursing Service and Woman's Royal Naval Service Ratings and Royal Marines Ranks. Alasan yang diberi untuk memberhentikan perkhidmatan plaintif ialah "Service No Longer Required".

[5] Peguam bagi pihak yang terlibat dalam kes ini bersetuju bahawa isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini ialah adalah suatu persoalan undang-undang. Oleh itu mereka memohon untuk berhujah atas isu undang-undang dan pemanggilan saksi adalah dikecualikan.

[6] Soalan undang-undang yang perlu diputuskan ialah:

> Adakah Defendan Pertama mempunyai kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk memberhentikan Plaintif di bawah Artikal 1012 BR 8748 – Terms of Service for Royal Navy, Queen Alexandra's Royal Navy Nursing Service and Woman's Royal Navy Service Ratings and Royal Marine Ranks.

[7] Hujahan pihak defendan tentang pemakaian BR 8748 ialah berdasarkan pengeluaran Memo Am TLDM No. 03/00 bertarikh 28 Mei 1999. Dalam Memo berkenaan ada disebut bahawa Majlis Angkatan Tentera pada mesyuarat pada 31 Mac 1998 telah meluluskan penggunaan Queen's Regulation For The Royal Navy (QRRN) bagi maksud pemberhentian anggota lain-lain pangkat. Seterusnya ada juga disebut dalam Memo berkenaan bahawa peraturan berkaitan pemberhentian yang terkandung di dalam QRRN telah dikeluarkan semula sebagai BR 8748 dan dengan itu ianya digunakan sebagai kuasa dan dasar pemberhentian anggota lain-lain pangkat TLDM. Peguam Kanan Persekutuan juga menghujah bahawa artikel 1012 BR 8748 adalah in *pari meteria* dengan artikel 0877 QRRN.

[8] Mengenai penggunaan QRRN dalam hal ehwal pemberhentian anggota lain-lain pangkat, Peguam Kanan Persekutuan telah merujuk kepada peruntukan s. 36 dan 217(2) Akta Angkatan Tentera di mana kuasa ada pada Majlis Angkatan Tentera untuk membuat peraturan antaranya berkenaan pemberhentian orang-orang dalam angkatan tetap. Berdasarkan peruntukan yang disebut itu Majlis Angkatan Tentera telah

meluluskan penggunaan QRRN dalam hal ehwal pemberhentian anggota lain-lain pangkat.

[9] Dalam hujahan pihak plaintif, peguam telah merujuk kepada s. 10(1) Navy Ordinance 1958 yang memperuntukkan bahawa semua Enakmen dan Peraturan yang pada masa itu berkuatkuasa kepada Royal Navy (Tentera Laut DiRaja British) adalah terpakai bagi tentera laut tertakluk kepada apa-apa peruntukan Ordinan ini dan pindaan yang dinyatakan di dalam Jadual Ordinan ini. Peguam juga telah merujuk kepada s. 10(2), s. 11 dan Perkara 1 di dalam Jadual Ordinan berkenaan. Di bawah Ordinan berkenaan Majlis Angkatan Tentera telah membuat Peraturan yang dikenali sebagai "Navy (Enlistment, Extension of Service and Re-engagement) Regulations, 1962". Dalam Peraturan tersebut ada diperuntukan bahawa Malay Regiment (Enlistment, Extension of Service and Re-engagement) Regulations 1960 adalah terpakai kepada anggota-anggota TLDM secara *mutatis mutandis*.

[10] Seterusnya peguam berhujah bahawa dengan berkuatkuasa Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta), beberapa Ordinan telah dimansuhkan sebagaimana yang dinyatakan dalam s. 217. Antaranya ialah Malay Regiment Enactment dan Navy Ordinance 1958. Walau bagaimanapun pemansuhan ini tertakluk kepada peruntukan s. 217(2) yang mengatakan bahawa apa-apa perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawah mana-mana Enakmen atau Ordinan yang dimansuhkan akan terus berkuatkuasa sehingga diganti oleh peruntukan lain yang dibuat di bawah Akta berkenaan dengan syarat peraturan atau kaedah yang dibuat itu tidak berlawanan dengan Akta berkenaan. Majlis Angkatan Tentera dengan kelulusan Yang diPertuan Agong diberi kuasa di bawah s. 36 Akta untuk membuat peraturan yang mana antaranya mengenai pemberhentian kerja dan pembuangan kerja. Dan apa yang telah berlaku ialah Majlis Angkatan Tentera pada mesyuarat yang ke 366 pada 31 Mac 1998 telah meluluskan pemakaian QRRN bagi tujuan pemberhentian anggota TLDM dan mengikut Memo Am TLDM 3/99 peraturan-peraturan berkaitan dengan pemberhentian telah di keluarkan dan dimasukkan semula sebagai BR 8748.

[11] Berdasarkan hujahan yang dinyatakan di atas, kesimpulan yang dibuat oleh peguam ialah dengan pemansuhan yang dibuat di bawah s. 217 Akta berkenaan maka Navy Ordinance 1958, Malay

Regimen Enactment, dan Navy (Enlistment, Extension of Service and Re-engagement) Regulations 1962 adalah juga termansuh. Oleh sebab pemakaian QRRN (yang berkuatkuasa pada masa itu) ialah melalui s. 10 Navy Ordinance 1958, maka dengan pemansuhan Ordinan tersebut maka hilanglah kuasa untuk menggunapakai QRRN. Walaupun terdapat proviso dalam s. 217(2) Akta berkenaan, namun proviso tersebut tidak terpakai kerana QRRN bukanlah suatu peraturan yang dibuat di bawah Navy Ordinance 1958.

[12] Saya setuju dengan hujahan di atas yang dikemukakan oleh peguam pihak plaintif. QRRN yang merupakan peraturan bagi Tentera Laut British telah dibenarkan pemakaian mengikut s. 10 Navy Ordinance 1958. Ianya bukan peraturan yang dibuat di bawah Navy Ordinance 1958. Oleh itu s. 217(2) Akta berkenaan tidak dapat menyelamatkan pemakaian QRRN daripada pemansuhan.

[13] Sekiranya pandangan saya tidak betul tentang pemansuhan penggunaan QRRN, isu berikut yang perlu dilihat ialah sama ada Artikel 0877 QRRN sinonim dengan BR 8748. Mengikut Memo Am TLDM 03/99 kenyataan dibuat bahawa peraturan berkaitan pemberhentian yang terdapat di dalam QRRN telah dikeluarkan semula sebagai BR 8748. Kenyataan ini diragui memandangkan apa yang tertera dalam Pengenalan (Introduction) pada BR 8748. Pengenalan berkenaan ialah:

> BR 8748 contains regulations previously published in QRRN and derived from other sources which fall under the general description of "Terms of Service" for RN, QARNNS and WRN ratings and RM other ranks. The regulations were transferred unchanged, except for deletion or updating of absolute material, and some rearrangement of the order in which they previously appeared in QRRN. Amendments up to and including Change No. 73 to QRRN were incorporated as well as those pending at the time of the transfer. …

[14] Dari Pengenalan kepada BR 8748 yang disebut di atas ianya menyatakan bahawa terma yang terdapat dalam peraturan BR 8748 terdiri dari peraturan dalam QRRN dan juga dari sumber yang lain. Ini bermakna terma yang terdapat dalam BR 8748 termasuklah terma yang tidak terangkum dalam QRRN dan sumber ini tidak dibenarkan di bawah Navy Ordinance 1958 untuk

digunapakai oleh TLDM. Oleh kerana BR 8748 mengandungi terma daripada lain-lain sumber dan ianya tidak dapat dikenalpasti secara khusus peraturan manakah yang datang dari QRRN maka BR 8748 merupakan satu dokumen yang diekstrak dari QRRN dan tercemar. Seterusnya s. 10(1) Navy Ordinance 1958 mengatakan peraturan yang pada masa itu berkuatkuasa kepada Royal Navy sahaja yang terpakai maka BR 8748 yang dibuat pada tahun 1998 bukanlah peraturan yang dibuat pada masa itu (iaitu 1958) dan ia (BR 8748) mengandungi terma lain selain daripada Royal Navy.

[15] Dalam keadaan yang sebegini pihak defendan sepatutnya menzahirkan artikel 0877 QRRN. Ianya tidak memadai dengan hanya menghujahkan bahawa Artikel 0877 QRRN adalah in *pari materia* dengan artikel 1012 BR 8748.

[16] Pihak defendan menyedari tentang ketidakpastian pemakaian BR 8748. Ini dapat dilihat di dalam Memo Am TLDM No. 07/04 yang mengatakan penggunaan dasar dan peraturan yang dikeluarkan melalui Memo Am TLDM No. 03/99 didapati tidak tepat dan tidak selaras dengan kelulusan yang dikeluarkan oleh Majlis Angkatan Tentera pada mesyuarat ke 366. Dalam keadaan di mana terdapatnya Memo Am TLDM 07/04 dan walaupun ianya selepas plaintif telah diberhentikan saya berpendapat tidak berpatutan dan adil pada pihak defendan dalam pembicaraan kes ini mempertahankan pemakaian BR 8748 bilamana wujudnya pandangan yang ianya tidak tepat.

[17] Peguam Kanan Persekutuan telah merujuk kepada kes *Subramanyam Sannasy v. SAC 11 Syed Alwi Syed Hamid & Anor* Rayuan Sivil No. D1(f)-7-2009 (J) di mana Hakim Mahkamah Persekutuan Mohd Ghazali Mohd Yusoff dalam penghakiman mengatakan:

> In my judgment, the erroneous reference to the wrong regulation, namely regulation 38 instead of regulation 37 of the said Regulation does not vitiate or invalidate the decision to dismiss the appellant. On the whole I am of the view that no injustice has been occasioned.

Berdasarkan pada petikan penghakiman di atas Peguam Kanan Persekutuan mengatakan bahawa jika mahkamah berpendapat bahawa pemakaian undang-undang yang sepatutnya ialah QRRN

dan bukannya BR 8748, kuasa untuk memberhentikan atas sebab "Service No Longer Required" masih wujud walaupun pemakaian peruntukan yang berbeza. Dan ini tidak akan memprejudiskan atau menyebabkan sebarang ketidakadilan kepada plaintif sebab alasan pemberhentian masih sama. Kes yang dirujuk itu boleh dibezakan dengan kes ini. Dalam kes itu ianya mengenai dua peraturan yang terdapat dalam Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993. Dalam kes ini ianya melibatkan dua Peraturan iaitu QRRN dan BR 8748. Apa yang dikemukakan di mahkamah ialah artikel 1021 BR 8748. QRRN tidak dizahirkan ke mahkamah untuk menunjukkan bahawa dalam QRRN terdapat peruntukan yang sama yang memberi kuasa kepada defendan untuk memberhentikan anggota lain-lain pangkat. Juga kewujudan sebab yang sama (iaitu "Service No Longer Required") dalam BR 8748 dan QRRN tidak bermakna pihak defendan boleh berbalik dengan menyarankan penggunaan peruntukan dalam QRRN untuk menjustifikasikan pemberhentian plaintif yang dibuat mengikut BR 8748.

[18] Seperkara lagi yang diambil kira ialah sama ada defendan pertama diberi kuasa mengikut undang-undang untuk memberhentikan plaintif. Dalam artikel 1012(5) BR 8748 dinyatakan "... an individual's discharge SNLR may be approved by the Commander-in-Chief Fleet, FONA FOSF ... or the Commandant General Royal Marine". Untuk kes ini dalam para 1 Jadual Navy Ordinance 1958 ada mengatakan bahawa semua kuasa admiralty hendaklah dilaksanakan oleh Majlis Angkatan Tentera. Dalam artikel 1012(5) BR 8748 tidak ada kuasa diberikan kepada admiralty yang mana boleh dikatakan seolah-olahnya telah diberikan kepada Majlis Angkatan Tentera dan jika ada hak sekalipun ianya diberi kepada pemegang pangkat yang tidak boleh disamakan dengan defendan pertama. Oleh itu tidak terdapat peruntukan dalam BR 8748 atau dalam Akta berkenaan yang dengan nyatanya memberi kuasa kepada Panglima Tentera Laut untuk memberhentikan atau meluluskan pemberhentian di bawah artikel 1012(5) BR 8748.

[19] Di atas sebab yang dinyatakan itu saya berpendapat bahawa defendan pertama tidak mempunyai kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk memberhentikan plaintif di bawah artikel 1012 BR 8748. Dengan itu tuntutan plaintif dalam perenggan (a), (b), (d), (e), (f) dan (g) dalam pernyataan tuntutan dibenarkan. Juga diperintahkan gantirugi am dibenarkan dan ditaksir oleh Penolong Kanan Pendaftar.